

17 FEB 2000

MAHATHIR-KARGO UDARA

MAHATHIR SARAN PENGGABUNGAN INDUSTRI KARGO UDARA

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan penggabungan industri kargo udara tempatan memandangkan industri tersebut dijangka berdepan dengan cabaran sengit daripada globalisasi dan liberalisasi dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang.

Untuk melangkah lebih maju ke hadapan di abad ke-21 ini, beliau berkata syarikat penerbangan dan penghantar kargo tidak lagi hanya berfungsi sebagai pengangkut kargo semata-mata, malahan perlu menawarkan pakej perkhidmatan menyeluruh membabitkan pergudangan dan pengurusan inventori barangan serta penghantaran terus ke lokasi.

Ketika perniagaan semakin berkembang, syarikat penerbangan dan penghantar kargo mungkin perlu mencari rakan kongsi strategik dalam rangkaian pengangkutan dan logistik, untuk membuka laluan bagi penggabungan dalam industri kargo udara yang seharusnya memasukkan syarikat-syarikat bukan tradisi.

"Memandangkan situasi sebegini, sudah sampai masanya bagi komuniti kargo Malaysia bekerjasama antara satu sama lain bagi mengukuhkan sumber dan operasi mereka," katanya di pembukaan "Persidangan Kargo Udara Asia 2000" di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata penggabungan industri kargo Malaysia akan memberi manfaat kepada semua pihak dengan syarikat-syarikat meraih keuntungan daripada perancangan mereka manakala pelanggan pula menikmati perkhidmatan dan kadar yang lebih baik.

"Kerajaan percaya penggabungan seumpama itu akan meningkatkan daya saing kita di pasaran baru di Asia Pasifik dan global," katanya.

Merujuk kepada penggabungan syarikat perkapalan dan penghantar barangan darat yang mendapat sokongan penuh kerajaan, Dr Mahathir berkata syarikat penghantar kargo tempatan bukan sahaja perlu mengikut jejak langkah tersebut malahan menimbangkan untuk bekerjasama dengan mereka.

Ia membolehkan mereka menjadi sebagai sebuah syarikat pelbagai-modal atau penyedia logistik sepenuhnya yang menghubungkan perniagaan kargo di darat, laut dan udara.

Perdana Menteri juga berkata perkembangan ketara lain yang mungkin boleh memberi impak kepada industri adalah penggabungan bahagian kargo syarikat penerbangan.

Walaupun program penggabungan membabitkan jumlah syarikat penerbangan yang sangat terhad, manfaat daripada kerjasama seumpama itu boleh merangsang syarikat penerbangan lain untuk memulakan program yang sama.

"Dalam masa terdekat ini, saya tidak akan terkejut melihat rakan kongsi syarikat penerbangan sedia ada daripada dua kerjasama global utama mengumpul dan berkongsi sumber mereka untuk bersaing lebih efektif dengan syarikat seperti Federal Express, DHL dan United Parcel Service, yang berkembang daripada syarikat penghantar surat kepada pengasas perkhidmatan kargo udara bersepadu.

"Industri kargo udara malahan dijangka menyaksikan persaingan lebih sengit antara syarikat penerbangan tradisi dengan syarikat gabungan apabila mereka berubah menjadi penyedia perkhidmatan logistik sepenuhnya," katanya.

Dr Mahathir juga memuji program pengembangan Malaysia Airlines yang membolehkan anak syarikat kargonya, MASKargo, bertukar menjadi penyedia perkhidmatan logistik sepenuhnya.

Program ini termasuklah pengenalan pusat kegiatan kargo di

pasaran-pasaran utama dan menghubungkannya dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang untuk membentuk rangkaian logistik baru serta menjalin perkongsian strategik dengan syarikat penerbangan, penyedia perkhidmatan logistik dan syarikat trak.

"Selain itu, MASKargo juga berjaya menggandakan kapasiti muatannya dengan menambahkan jumlah kapal daripada dua kepada lima pesawat pengangkut B747 pada November tahun lalu, katanya.

Beliau berkata MAS mengunjurkan jumlah pesawat MASKargo akan meningkat tiga kali ganda kepada 14 pesawat B747 menjelang 2003 atau 2004, yang dapat memenuhi keperluan kapasiti kargo di KLIA.

--BERNAMA

AD ZK